

**KERTAS CADANGAN UNTUK PERTIMBANGAN  
LEMBAGA PENGURUSAN MPC (BOM)**

|                                    |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                     |
|------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>TAJUK</b>                       | Melantik Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan Jawatankuasa Pasukan Petugas Pembangunan Modul Latihan (PPPML) MPC baharu bagi Sesi 2023-2025                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                            |
| <b>TARIKH/ GARIS MASA</b>          | Jun 2023 hingga Jun 2025 (2 Tahun)                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  |
| <b>TUJUAN &amp; LATAR BELAKANG</b> | Melantik Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa Pasukan Petugas Pembangunan Modul dan Manual Latihan (PPPML) MPC Sesi 2023 – 2025.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                     |
| <b>JUSTIFIKASI</b>                 | <ol style="list-style-type: none"> <li>PPPML adalah pasukan yang mengawalselia dan memantau pengurusan modul dan manual latihan MPC selari dengan keperluan prosedur arahan kerja Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) MPC. Struktur pasukan ini adalah berikut:- <ol style="list-style-type: none"> <li>Pengerusi – Timbalan Ketua Pengarah MPC</li> <li>Timbalan Pengerusi/Ahli-ahli PPPML – Wakil-wakil dari Bahagian yang berkaitan</li> <li>Setiausaha/Urusetia – Sekretariat Bahagian</li> </ol> </li> <li>Timbalan Pengarah terdiri dari gred 54.</li> <li>Ahli pasukan ini terdiri daripada pegawai gred 41 hingga 54 dari pelbagai Bahagian/Unit.</li> <li>Pasukan ini berperanan untuk menyemak dan menambah baik modul / manual latihan MPC yang dibangunkan sepanjang pelantikan.</li> </ol> |
| <b>KAEDAH PELAKSANAAN</b>          | <ol style="list-style-type: none"> <li>Surat pelantikan kepada Ahli Jawatankuasa yang diluluskan akan dikeluarkan dengan skop bidang tugas meliputi semua aktiviti seperti membangun, memantau dan menambahbaik modul dan manual bagi latihan yang ditawarkan oleh MPC.</li> </ol>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  |

|                                           |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                           |
|-------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|                                           | <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Senarai ahli Pasukan Petugas Pembangunan Modul Latihan (PPPML) MPC 2023-2024 yang dicadangkan adalah seperti di <b>Lampiran 1</b></li> <li>ii. Terma Rujukan bagi Pasukan Petugas Pembangunan Modul Latihan (PPPML) MPC 2023-2024 adalah seperti di <b>Lampiran 2.</b></li> </ul> <p>2. Mesyuarat PPPML akan dijalankan mengikut keperluan.</p> |
| <b>STAKEHOLDERS/ PIHAK BERKEPENTINGAN</b> | <p>Pihak Pengurusan MPC</p> <p>Bahagian-Bahagian Operasi MPC</p>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                          |
| <b>JANGKAAN HASIL/ OUTCOME</b>            | Memastikan kualiti modul/manual yang dibangunkan oleh MPC pada tahap yang baik dan memenuhi prosedur arahan kerja Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) MPC.                                                                                                                                                                                                                                    |
| <b>JANGKAAN OUTPUT</b>                    | Bilangan modul/manual baharu sebagai rekod produk perkhidmatan dan garis panduan mengikut keperluan semasa pelanggan MPC.                                                                                                                                                                                                                                                                 |
| <b>KUMPULAN SASAR</b>                     | <p>Pelanggan MPC</p> <p>Tenaga Pakar yang berdaftar dengan MPC</p>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                        |
| <b>SUMBER BAJET/ KOS</b>                  | Tiada                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                     |
| <b>HASIL (RM) - SEKIRANYA ADA</b>         | Tiada                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                     |
| <b>SYOR</b>                               | <p>Memohon pertimbangan BOM bagi cadangan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Pelantikan Pasukan Petugas Pembangunan Modul Latihan (PPPML) MPC baharu Sesi Jun 2023-2025.</li> </ul>                                                                                                                                                                                            |
| <b>UNIT/ BAHAGIAN</b>                     | Bahagian Produktiviti Insan (PP)                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                          |

**\*\*Sila lampirkan maklumat-maklumat lain yang berkaitan sekiranya perlu.**

(Contoh: Agenda program, perincian kos, pelan risiko, gambar rajah, lakaran pelan, senarai nama, carta Gantt, dll.)

Hanya untuk permohonan yang menggunakan Bajet Pembangunan dari Unit/Bahagian lain.  
Kolum ini boleh diabaikan sekiranya tidak berkaitan.

**DISOKONG OLEH:**

**NAMA PEGAWAI PENJAGA BAJET PEMBANGUNAN**

Jawatan:

Nama Bajet:

Tarikh:

**DISEDIAKAN OLEH:**



**NUR SYAHRINA MUHAMAD NOR**

Pengurus

16.05.2023

**DISAHKAN OLEH:**



**SALIZA SAARI**

Pengarah MPC

16.05.2023

## Lampiran 1

### SENARAI AHLI JAWATANKUASA PASUKAN PETUGAS PEMBANGUNAN MODUL LATIHAN (PPPML) MPC SESI JUN 2023 – 2025

**Pengerusi PPPML** : YBrs. Dr. Mazrina Mohamed Ibramsah

**Timbalan Pengerusi PPPML** : Dr. Mohamad Norjayadi Tamam

| Bil. | Ahli Tetap                       | Ahli Ganti                                              | Bahagian/Unit |
|------|----------------------------------|---------------------------------------------------------|---------------|
| 1.   | Dr. Mohamad Norjayadi Tamam      | Pn. Safniwati Jasri                                     | DMO/PCD       |
| 2.   | En. Mohd Yazid Abdul Majid       | En. Mohd Hisyam Hatimtai<br>En. Mohd Khairul Nazir Nawi | MSF           |
| 3.   | Pn. Wan Fazlin Nadia Wan Osman   | Pn. Norhasimah Ibrahim                                  | NCS/PCD       |
| 4.   | En. Mohamad Muzaffar Abdul Hamid | Dr. Suriati Zainal Abidin<br>En. Nik Faizal Nik Ahmad   | PP            |
| 5.   | Pn. Saliza Saari                 | Pn. Waila Mohd Nasir<br>Pn. Nur Hanim Abd Ghani         | PP            |
| 6.   | En. Zafrulla Hussien             | Hjh. Wan Norhani Wan Khalid                             | PPPN/PCD      |
| 7.   | Dr. Halimahton Sa'diah Let       | En. Asmawadi Mohamed                                    | DMO/PCD       |
| 8.   | En. Mohammed Alamin Rehan        | En. Mahadi Hasbullah<br>Pn. Shahriza Bahari             | NCS/PCD       |
| 9.   | Hjh. Sarimah Misman              | Dr. Nor Aishah Hassan                                   | DGO           |

**Urusetia Bahagian OED** : Pn. Nur Syahrina Muhamad Nor

**Urusetia Bahagian PCD** : Pn. Hafizah Sith

**TERMA RUJUKAN**  
**JAWATANKUASA PASUKAN PETUGAS PEMBANGUNAN MODUL LATIHAN**  
**(PPPML) MPC SESI 2023-2024**

**1) Objektif**

- i) Mengawalselia dan memantau pengurusan modul dan manual latihan MPC.
- ii) Memastikan kualiti pembangunan modul dan manual latihan adalah baik, mengikut standard MPC dan memenuhi kehendak *stakeholder*; dan
- iii) Memastikan format modul atau manual adalah mengikut prosedur dan standard yang biasa digunakan.

**2) Skop Tugas**

Skop bidang tugas meliputi semua aktiviti seperti membangun, memantau dan menambahbaik modul dan manual bagi latihan yang ditawarkan oleh MPC.

**3) Peranan dan Tanggungjawab**

| JAWATANKUASA      | TUGASAN (TOR)                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                |
|-------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>Pengerusi</b>  | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mempengerusikan Mesyuarat Pembangunan Modul/Manual Latihan MPC</li> <li>2. Meluluskan cadangan modul/manual Latihan yang siap: <ol style="list-style-type: none"> <li>2.1 Dibangunkan,</li> <li>2.2 Dikemaskini, atau</li> <li>2.3 Digugurkan</li> </ol> </li> </ol>                                                               |
| <b>Ahli Tetap</b> | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menbincang dan mengenalpasti atau menerima cadangan modul/manual Latihan yang hendak dibangunkan atau dikemaskini atau digugurkan sekurang-kurangnya sekali setahun.</li> <li>2. Membuat penilaian modul/manual latihan.</li> <li>3. Membuat cadangan kepada Urusetia bagi modul/ manual Latihan yang akan dibangunkan.</li> </ol> |

|                          |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 |
|--------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|                          | 4. Menyemak modul/manual Latihan Baharu yang disediakan menggunakan Senarai Semak Kelulusan Modul/Manual MPC (ISO) C8/P2/F.02, sebelum dimajukan untuk kelulusan.                                                                                                                                                                                                               |
| <b>Ahli Ganti</b>        | 1. Menjadi wakil kepada Ahli Jawatankuasa Tetap                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 |
| <b>Urusetia Bahagian</b> | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menyelaras mesyuarat pembangunan modul/manual latihan bahagian.</li> <li>2. Menyediakan Senarai Status Pembangunan Modul/Manual Latihan kepada PPPML MPC, MPC (ISO) C8/P2/F.01</li> <li>3. Memastikan semua urusan pentadbiran berkaitan pembangunan modul/manual latihan bahagian dikemaskini dan direkodkan dengan baik.</li> </ol> |

#### 4) Tempoh Keahlian

Tempoh keahlian bermula dari tarikh lantikan sehingga 31 Disember 2024. Sebarang perantikan tambahan baharu perlu melalui makluman BOM atau memo kelulusan Ketua Pengarah MPC.

#### 5) Mesyuarat

- Mesyuarat akan dijalankan mengikut keperluan;
- Mesyuarat dijalankan secara fizikal atau secara atas talian;
- Mesyuarat akan dijalankan dengan kehadiran minimum 1/3 daripada jumlah ahlijawatankuasa; dan urusetia
- Timbalan Pengerusi akan mempengerusikan mesyuarat sekiranya Pengerusi tidak dapat hadir atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan.